



UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Unit Kebajikan dan Kemasyarakatan, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) semasa mengendalikan beberapa aktiviti khidmat masyarakat sempena Minggu Ta'aruf UNISSA 2020 (atas dan bawah).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 Julai. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Unit Kebajikan dan Kemasyarakatan, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) mengendalikan beberapa aktiviti khidmat masyarakat sempena Minggu Ta'aruf UNISSA 2020. Aktiviti khidmat masyarakat tersebut dihasrat dapat memberikan kesedaran kepada mahasiswa baharu Sesi Akademik 2020 / 2021 mengenai peranan mereka sebagai belia adalah untuk berkhidmat dan menyumbang bakti kepada masyarakat.

Selain itu, aktiviti berkenaan juga disasarkan sebagai pendorong kepada mereka untuk menjadi belia yang lebih proaktif, peka dan prihatin kepada masyarakat juga persekitaran, di samping dapat mengukuhkan lagi hubungan silaturahim sesama mereka dan komiti UNISSA. Aktiviti tersebut disertai lebih 300 mahasiswa dan dikendalikan oleh 63 komiti UNISSA, berlangsung di Daerah Belait; Daerah Tutong; juga Daerah Brunei dan Muara. Antara kawasan yang terlibat, pantai-pantai di Kuala Belait; Pantai Seri Kenangan Tutong;

Tingkat kepekaan, keprihatinan belia kepada masyarakat, persekitaran

Kolej Kediaman UNISSA; Pantai Meragang; Ameen Farm Kampung Kilanas; Pantai Muara; Pantai Serasa; Tanah Perkuburan Islam Rangas; dan Tanah Perkuburan Islam Jame' 'Asr Hassanil Bolkihah. Di setiap lokasi dan sepanjang aktiviti dijalankan, para mahasiswa dipastikan untuk mematuhi langkah-langkah keselamatan dengan mengekalkan

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

tahap kebersihan individu dan mengamalkan penjarakan sosial, seperti mana yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan, di mana tempoh aktiviti adalah dihadkan selama dua jam sahaja. Selain daripada aktiviti Kempen

Kebersihan, mereka juga berkesempatan untuk mengadakan Majlis Tahlil dan Arwah di tanah perkuburan berkenaan. Aktiviti tersebut dimulakan dengan bacaan Doa Selamat dan Doa Perlindungan daripada wabak COVID-19.

Hulurkan sumbangan awda menerusi 3 tabung kendalian JAPEM

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Pembangunan Masyarakat

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 Julai. - Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) berhasrat untuk membarigakan tabung-tabung yang terdapat di bawah kendalian

JAPEM secara berterusan kepada orang ramai untuk meningkatkan dana bagi tabung-tabung berkenaan. Tabung-tabung berkenaan, Tabung Anak-Anak Yatim (nombor akaun : 00 001 010 049 034); Tabung Orang-Orang Cacat

(nombor akaun : 00 001 010 049 020); dan Tabung Badan Kebajikan Kebangsaan Brunei (nombor akaun : 00 001 010 049 056). Sebarang pertanyaan lanjut, bolehlah menghubungi Bahagian Perhubungan Awam, Kaunseling dan Sukarelawan (PAKS) menerusi talian +673 2383911 sambungan 1341 / 1213 atau e-mel ke info@japem.gov.bn.



Hargai Pengorbanan Mereka

Mereka bekerja tanpa mengenal penat lelah untuk memastikan awda selamat

HUBUNGI TALIAN NASIHAT KESIHATAN 148
WWW.MOH.GOV.BN

Tatacara Menderma Tabung-Tabung Kendalian JAPEM

- Langkah 1:** Login BIBD NEXGEN Payment Services / Donation
- Langkah 2:** Pilih Pay Bill / Make Donation
- Langkah 3:** Pilih Transfer From Account
- Langkah 4:** Pilih All Payees
- Langkah 5:** Bill / Reference No.1 : Masukkan nama penderma atau nama agensi
- Langkah 6:** Reference No.2 : Masukkan nombor invois atau nombor telefon
- Langkah 7:** Masukkan jumlah derma
- Langkah 8:** Tekan Next untuk melengkapkan transaksi

TABUNG ANAK-ANAK YATIM
No.Akaun: 00001010049034

TABUNG ORANG-ORANG CACAT
No.Akaun: 00001010049020

TABUNG BADAN KEBAJIKAN KEBANGSAAN
No.Akaun: 00001010049056

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Talian Helpline Kebajikan 141 info@japem.gov.bn

Talian ANAK 121 www.japem.gov.bn

Jabatan Pembangunan Masyarakat JAPEM [japem_brunei](https://www.instagram.com/japem_brunei)